

Rakyat perlu ceburi IKS: PM

18 DEC 1991

Oleh Mutazar Abd Ghani dan M Thillinadan

SHAH ALAM, Selasa — Rakyat Malaysia perlu memberanikan diri mengejar teknologi tinggi dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara ini yang ketika ini dipelopori pelabur Taiwan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, berbanding syarikat gergasi multinasional dari Jepun dan Amerika Syarikat dalam perindustrian tempatan, aspek menarik yang disumbangkan oleh pelabur Taiwan ialah majoritinya IKS.

Beliau berkata, ini bermakna di segi jumlah pelaburan modal dan input teknologi, kebanyakan projek berkenaan mampu disertai rakyat Malaysia dan secara langsung membuka peluang kepada syarikat tempatan meningkatkan pencapaian di segi pembuatan, pengurusan dan pemasaran.

"Pelabur Taiwan juga bersedia menerima penyertaan rakyat tempatan melabur dalam industri yang mereka usahakan di negara ini.

"Kini terpulanglah kepada rakyat negara ini untuk mengejar dan memberanikan diri memasuki bidang yang mempunyai masa depan yang cerah itu (IKS)," katanya berucap merasmikan pembukaan kilang Chunghwa

Picture Tubes (Malaysia) Sdn Bhd, di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ketika ini sumbangan pelabur Taiwan terhadap kemajuan sektor elektrik dan elektronik di negara ini adalah besar, terutama di segi merubah struktur industri elektronik.

Menurutnya, oleh kerana teknologi sektor berkenaan memerlukan masa yang lama untuk dipelajari, pelabur tempatan perlu membuat pelaburan dari awal.

Katanya, ini memberi mereka kesempatan menikmati pelbagai pengalaman termasuk mempelajari teknik pengeluaran dan pengurusan, serta rekabentuk kilang dan keluaran.

"Langkah sedemikian membolehkan rakyat negara ini mempunyai kepakaran dan pengalaman mencukupi bagi memulakan pelaburan sendiri dalam bidang berkenaan pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sejak lebih dua dekad lalu berusaha menarik pelaburan asing ke negara ini terutama sektor perindustrian, dengan menyediakan pelbagai insentif seperti galakan cukai dan dasar ekuiti yang mengunturkan syarikat berorientasikan eksport.